

27 MAC 2025 | MAJLIS KHATAM AL-QURAN INSTUN 1446H/ 2025M

Menginjak ke 26 Ramadan, Auditorium INSTUN telah diindahakan dengan alunan bacaan Khatam Al-Quran dari 19 orang warga INSTUN. Untuk makluman, aktiviti Tadarus Al-Quran sepanjang Ramadan kali ini telah disertai oleh seramai 47 orang Bangsa INSTUN keseluruhannya. Keceriaan majlis pagi ini turut terserlah hasil sentuhan dan dekorasi pentas dari team dekorasi PUSPANITA INSTUN. Tuan Pengarah juga telah menyampaikan cenderahati kepada semua peserta Tadarus Al-Quran, Imam dan Bilal Solat Terawih serta cenderamata penghargaan kepada Bendahari Surau As-Sakinah yang telah bertukar keluar iaitu Sr Ahmad bin Omar. Terima kasih yang tidak terhingga di atas segala jasa dan sumbangan beliau dalam mengimarahkan Surau As-Sakinah.

Seksyen Hal Ehwal Islam merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi INSTUN, Surau As Sakinah, PUSPANITA INSTUN, AKRAB INSTUN, Kelab INSTUN INSTUN, Jawatankuasa Induk Program Ihya Ramadan INSTUN 2025 serta seluruh barisan urusetia dan warga INSTUN yang telah bertungkus lumus dan setia memberikan sokongan dalam menjayakan Majlis Khatam Al-Quran khususnya dan program Ihya Ramadan 2025 INSTUN secara umumnya.

Semoga setiap amalan dan ibadah kita pada Ramadan kali ini mendapat ganjaran dari Yang Maha Esa dan moga Allah izinkan kita semua untuk bertemu lagi di Ramadan akan datang.



Gambar Peserta Khatam Al-Quran



Ucapan Penutup YBrs. Tuan Pengarah



Sesi Penyampaian Cenderahati Peserta Tadarus



Sesi Penyampaian Cenderamata Mantan Bendahari Surau As-Sakinah



Sesi Penyampaian Saguhati Imam dan Bilal Solat Sunat Tarawih.